

RAWATAN AKAR

PUSAT PERGIGIAN U 优牙科中心 U DENTAL CENTER

Taman U 大学城: 26A, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 SKUDAI. Tel: 607-521 1111, 607-5208508 SMS: 6012-8800100 HP: 6 014-888 9000

Taman Sentosa 新山大丰: 25A, Jalan Sutera, Taman Sentosa, 80150 Johor Bahru. Tel: 07-333 3000 SMS: 6013-222 3000 HP: 6014-800 2000

UDA/Tampoi 新山 乌达/淡杯: 39-01, Jalan Padi Emas 1/3, Uda Business Center, Bandar Baru UDA, 81200 Johor Bahru Tel: 607-2 444 666 SMS: 6016-6 800 200 HP: 6016-6 800100

Taman Molek 百合: 84-01, Jalan Molek 2/2, Taman Molek, 81100, Johor Bahru. Tel: 07- 35 33 222 SMS: 6 016-6 300 500 HP: 6019-500 8 500

Bukit Indah 武吉英达: 65 , Jalan Indah 16/12, Taman Bukit Indah, 81200 Johor Bahru. Tel: 07-232 GIGI, 07-232 4444, SMS: 6 014-9 900 900 HP: 6014-888 2000

Mount Austin 奥士丁 : 70-01, Jalan Austin Heights 8/7, Taman Mount Austin, 81100 Johor Bahru. Tel: 607-364 3477 SMS: 6013-500 6 700 HP: 6016-200 4 500

Masai/Seri Alam 马赛/斯里亚南: 25-01, Jalan Suria 3, Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Bahru. Tel: 6014-803 0000


U Dental Specialist Clinic 优牙科专科诊所 Klinik Pakar Pergigian U

65A, Jalan Indah 16/12, Taman Bukit Indah, 81200 Johor Bahru, Johor. Tel: 607-234 2000 SMS: 6014-508 0000 HP: 6019-500 6 900

www.aiai.my info@aiai.my


MAKLUMAT PESAKIT: MEMBANTU ANDA MEMBUAT KEPUTUSAN BIJAK

GIGI YANG SAKIT TIDAK SEMESTINYA DICABUT, JIKA AKAR GIGI MASIH TEGUH, Doktor gigi anda mencadangkan rawatan akar dijalankan untuk menyelamatkan gigi anda yang sudah rosak. Sebelum itu anda harus faham perbezaan antara gigi sihat dan gigi yang telah rosak:



(A) GIGI SIHAT

Satu gigi mengadungi korona (kepala) dan satu atau lebih **akar** yang terbenam dalam tulang. Di pusat/tengah gigi terdapat **ruang** yang terisi **pulpa**. Pulpa adalah lembut dan terdiri daripada salur darah dan saraf



(B) GIGI TERINFENKSI

Gigi mungkin menjadi rosak kerana i)berlubang ii.) kecederaan iii.) tampilan yang dalam iv)penyakit gusi dan lain-lain. Gigi yang rosak menyebabkan **pulpa diserang kuman (terinfeksi), sakit dan Bengkok,**

Pulpa yang terinfeksi menyebabkan gigi sakit apabila menggigit atau disentuh, jika teruk **kesakitan berdenyut** akan mengganggu tidur pesakit. Jika tidak dirawat, pulpa menjadi busuk dan **bernanah**, tulang disekitar akar akar diserang dan terhakis; tulang bengkok dan gusi bernanah

APA DIA RAWATAN AKAR?

Rawatan akar mengeluarkan pulpa yang terinfeksi dari dalam gigi, kemudian ruang pulpa dibersihkan, dibunuh kuman dan akhirnya disumbat.

KEBAIKAN RAWATAN AKAR

Proses ini tidak melibatkan cabutan gigi. Gigi yang telah dirawat boleh menjalankan tugas menggigit seperti biasa. Gigi masih disokong oleh tulang/gusi dan pesakit boleh makan seperti biasa tanpa perlukan gigi palsu. Jika pesakit sudah memakai gigi palsu, anda boleh tambah skrew atau magnet di atas akar supaya gigi palsu lebih stabil. Anda mempunyai lebih pilihan.


Rawatan akar tidak melibatkan cabutan gigi, jadi tiada luka besar dan ubat kebas pun mungkin tidak diperlukan. Rawatan akar lebih selamat daripada cabutan, khasnya jika pesakit mengidap penyakit jantung atau darah, pilihan rawatan akar adalah lebih selamat daripada cabutan. Jika gigi sensitive jangka panjang dan tidak dapat dirawat dengan cara lain, rawatan akar akan menghilangkan rasa nyilu berpanjangan dengan berkesan.

ALTERNATIF/GANTIAN RAWATAN AKAR

Jika rawatan akar tidak dijalankan, catan adalah mungkin diperlukan. Akan tetapi selepas cabutan, gigi palsu mungkin perlu dibuat untuk menutup ruang yang terjadi lepas cabutan.. Jika tidak, masalah kosmetik, ganjakan gigi mungkin berlaku. Iln menyebabkan kesusahan menggigit dan membersihkan gigi, seterusnya menyebabkan penyakit gusi dan gigi yang lebih teruk


LANGKAH-LANGKAH

Pesakit biasanya perlu datang berapa kali untuk menyelesaikan rawatan akar.




1. Membersihkan pulpa **dari ruang pulp dan akar.**

2. Membersih dan menebuk lubang di kepala gigi



3. Menyumbat luang pulpa dengan simen dan bahan bergetah.



4. Gigi yang telah dirawat akar perlu ditampal balik. Jika kepala sudah rosak teruk, screw kecil boleh diletak di dalam akar sebelum tampilan dibuat.

SOALAN YANG LAZIM DITANYA

1.) Gigi perlu di tampal lepas rawatan akar?

Ya, kerana pulpa sudah tiada lepas rawatan akar, gigi akan kehilangan lembapan/air, gidi akan jadi lebih rapuh atau pecah. Oleh itu satu korona untuk menutup kepala gigi biasanya perlu dibuat untuk menguatkan gigi.

2.) Berapa lama boleh tahan? Tidak akan rosak selama-lamanya?

Tidak. Gigi lepas rawatan akar masih gigi asli anda, ia akan rosak anda tidak dijaga dengan betul. Jika gusi/tulang sekitar gigi tidak dijaga baik, gigi akan lagi longgar dan doktor gigi anda mungkin cabangkan supaya gigi tersebut dicabut.

3. Tidak sakit selama-lamanya? Gigi menjadi gigi mati?

Jika gigi yang telah dirawat akar tidak dibaik-pulih (misalnya tambah korona) menjadi pecah, ia biasanya tidak sakit jika retakkan itu tidak melibatkan gusi/tulang. Jika akar masih teguh, ia masih boleh diselamatkan. Gigi lepas rawatan akar tidak akan terasa masam/nyilu/sensitive, tetapi gusi/tulang sekitar gigi masih hidup dan membekalkan nutrient ke permukaan luar akar gigi dan yembuat gigi teguh dalam tulang. Jadi semasa gigitan tulang/gusi masih ada rasa tekanan.

4. Berapa kali kena datang klinik?

Rawatan akar boleh disiap dalam 2-3 kali, dengan masa selangan 1 minggu antara rawatan. Jika pesakit tidak datang untuk siapkan rawatan akar atau akar dibiar kosong tanpa sumbatan ubat, masalah mungkin terjadi kemudian. Jadi silalah bekerja sama dengan doktor supaya rawatan boleh disiapkan dengan betul.

5. Apa risiko atau kesan sampingan rawatan akar?

Jika kanal akal terlalu sempit atau bengkok, hujung alat halus mungkin patah. Instrimen patah mungkin boleh dilepasi taupun menjadi senahagian bahan sumbatan kanal. Jika ada infeksi bernanah berterusan, kemungkinan tulang sudah terhakis atau sista sudah terbentuk-rawatan akar sahaja mungkin tidak selesaikan masalah, pembersihan dari hujung akar mungkin diperlukan dengan kos tambahan

KOS

Bergantung kepada bilangan akar dan locasi gigi, kos rawatan akar lebih tinggi untuk gigi belakang. Kos biasanya boleh dibayar dengan ansuran sebanyak 2 kali. (Kos anggaran RM400 ke RM800 setial lawatan. Untuk gigi belakang biasanya ada kena datang 3- 4 kali tapi charge di had kepada 3 kali. Kes yang lebih susah mungkin kosnya RM2400++, sila tanya doctor yang bertugas)

Kos tambahan untuk ubat, gambar sinaran-X (biasanya 1-2 helai diperlukan) dan tampilan kekal. Jika digunakan ubat sumbat yang khas (misalnya Thermafil/OneStop), tambah skru dalaman, buat sarung gigi, kos tambahan juga diperlukan. Alat kikir (Protaper) baru exklusif untuk pesakit itu sahaja boleh ditempah dengan RM80++.

PENJAGAAN JANGKA PANJANG

Gigi yang menerima rawatan akar biasanya sudah rosak teruk dan lebih rapuh. Setelah rawatan akar selesai, kepala gigi mungkin perlu disarungkan ("tanam gig" atau lebih tepat "korona") untuk menguatkannya.

Walaupun gigi yang dirawat akar lebih lemah daripada gigi asli, namun dengan pemeliharaan dan penjagaan yang sesuai, pemakanan yang seimbang serta pemeriksaan berkala 6 bulan sekali, anda boleh mengekalkan gigi anda sepanjang hayat.

Jika terdapat sebarang kemosyikilan , silalah berbincang dengan doktor gigi anda.